

**Dagangan 2013 dijangka kukuh – Mustapa
Utusan Online
26 November, 2012**

KUALA LUMPUR 25 Nov. - Prestasi perdagangan negara pada 2013 diunjur terus kukuh, meskipun ekonomi kuasa besar di Amerika Syarikat dan Eropah masih lagi bertarung untuk memulihkan ekonomi masing-masing.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, Malaysia pasti akan menerima kesan kemelesetan ekonomi itu namun tidak ketara kerana ekonomi domestik kekal kukuh.

"Ekonomi Malaysia masih berdaya saing kerana ekonomi domestik yang disumbangkan oleh pertumbuhan perbelanjaan swasta terus kukuh.

"Selain itu, perdagangan negara lebih bertumpu dengan Asia dan ASEAN yang menyumbang sebanyak 70 peratus kepada dagangan negara," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Dalam pada itu, Mustapa berkata, kementerian itu sedang giat membantu mempromosi syarikat-syarikat Malaysia untuk melebarkan kedudukan dan perniagaan mereka di luar negara.

Beliau tidak menafikan banyak syarikat tempatan kini semakin agresif membina jenama di luar negara melalui sektor-sektor perniagaan yang ditawarkan.

"Bukan setakat Khazanah Nasional, CIMB Bank dan Malayan Banking Bhd. yang gah di luar negara, tetapi syarikat-syarikat seperti Sime Darby Plantation, Felda, SapuraKencana Bhd. dan WCT Bhd. juga tidak kurang hebat," tambah beliau.

Jelasnya, peluasan operasi dan perniagaan syarikat-syarikat berkenaan bukan bermakna projek semakin berkurangan di dalam negara, tetapi kelangsungan kepada syarikat berkenaan.

"Syarikat-syarikat Malaysia memiliki keupayaan yang cukup tinggi dalam produk dan perkhidmatan yang ditawarkan dan tidak berbaloi sekiranya tumpuan hanya diberikan di negara ini sahaja.

"Peluasan operasi syarikat-syarikat berkenaan juga menguntungkan Malaysia dan rakyat kerana lagi banyak untung yang dibawa masuk, kerajaan akan mengenakan cukai.

"Rakyat juga menikmati bersama, contohnya kalau operasi Maybank di luar negara mencatatkan keuntungan, pemegang unit amanah saham dalam Permodalan Nasional Bhd. turut mendapat faedah melalui pengagihan pendapatan," jelas beliau.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Ekonomi/20121126/ek_01/Dagangan-2013-dijangka-kukuh---Mustapa